

PRU-13: Pemuda BN Kelantan tekad balas kepercayaan parti

Utusan Online

16 APRIL 2013

KOTA BHARU 16 April - Pemuda UMNO Kelantan berjanji akan bekerja keras untuk membantu kemenangan Barisan Nasional (BN) Kelantan pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) selepas enam ketua pemuda UMNO bahagian negeri ini diberi kepercayaan bertanding di dua kerusi Parlimen dan empat kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Ketua Pemuda UMNO Kelantan, Anuar Safian, 42, yang akan bertanding di Parlimen Kubang Kerian berkata, gerak kerja Pemuda telah bermula sejak beberapa tahun lalu dan akan diteruskan bagi memastikan sokongan golongan muda kembali kepada BN.

"Pertama sekali saya bersyukur kerana diberi kepercayaan untuk bertanding kerusi Parlimen Kubang Kerian yang kita tahu pada 2008 menjadi milik Pas, tetapi saya berjanji kali ini saya dengan barisan Pemuda akan bekerja bersungguh-sungguh.

"Secara keseluruhannya, ia adalah berita baik apabila Pemuda turut diberi kepercayaan untuk bertanding di empat DUN dan tidak menjadi masalah kerana gerak kerja Pemuda untuk menarik sokongan pengundi muda sudah pun bermula," katanya.

Beliau yang juga Ketua Pemuda UMNO Kubang Kerian berkata demikian ketika ditemui selepas pengumuman calon BN Kelantan bagi menghadapi PRU-13 oleh Pengerusi BN Kelantan, Datuk Seri Mustapa Mohamed di Bangunan UMNO negeri di sini hari ini.

Selain Anuar, Ketua Pemuda UMNO Kuala Krai, Tuan Aziz Tuan Mat, 44, turut dipilih untuk bertanding di kerusi Parlimen Kuala Krai. Tuan Aziz merupakan calon BN yang bertanding pada pilihan raya kecil Manek Urai pada tahun 2009.

Sementara itu, empat kerusi DUN yang menampilkan calon Pemuda adalah, Tuan Anuwa Tuan Mat, 41, Pengkalan Pasir; Mohd. Afandi Yusof, 39, (Meranti); Datuk Mohammad Zaidi Sidek, 45, (Perupok) dan Eriandi Ismail, 35, (Kemuning). - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130416/px_113/PRU-13-Pemuda-BN-Kelantan-tekad-balas-kepercayaan-parti#ixzz2Zz8kghzG

© Utusan Melayu (M) Bhd